

# Sistem mentor BSN diterima

Oleh **NOR ZAINAH NORDIN**

**UM 14 JUL 2003**

**I**POH 13 ulai Kerajaan tidak mahu campur tangan dalam pelaksanaan sistem mentor, yang disyaratkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi permohonan Skim Kredit Mikro kerana ia membantu bank tersebut memproses setiap permohonan, piniaman.

Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, konsep mentor yang disyaratkan oleh BSN itu boleh menjadi panduan kepada para peminjam dalam merancang kewangan dan aliran tunai perniagaan mereka.

Katanya, ini kerana peminjam yang terdiri daripada peniaga kecil memerlukan bimbingan terutama dalam prinsip perakaunan dan buku kira-kira aliran tunai perniagaan masing-masing.

"Sistem mentor yang menjadi syarat BSN sebenarnya berfungsi sebagai mempercepatkan proses permohonan pinjaman Skim Mikro Kredit selain menjamin dan menyaring kesahihan permohonan yang diterima oleh bank," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Pergerakan Wanita MCA Negeri perak di Hotel Syuen, di sini, hari ini.

Yen Yen diminta mengulas mengenai pandangan beberapa pihak termasuk persatuan peniaga kecil dan penaja negeri-negeri

yang meminta supaya syarat mentor Skim Kredit Mikro BSN dimansuhkan.

Sebelum ini, ketika membentangkan Pakej Strategi Baru, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan peruntukan RM1 bilion di bawah Skim Mikro Kredit bagi membantu peniaga kecil.

Melalui skim itu, BSN dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan skim tersebut.

Sebanyak RM500 juta diperuntukkan kepada BPMB bagi pinjaman perniagaan berasaskan pertanian dan RM300 juta kepada BSN untuk perniagaan bukan pertanian.

Baki peruntukan pinjaman skim itu disalurkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) melalui Bank Pertanian.

Yen Yen berkata, melalui syarat mentor, para peniaga kecil yang meminjam Skim Kredit Mikro menerusi BSN sebenarnya beruntung kerana berpeluang mempertingkatkan kecekapan mengurus kewangan.

Beliau vane merujukan Ketua Wanita MCA berkata, peniaga kecil wanita juga harus merebut peluang memohon pinjaman melalui Skim Kredit Mikro tersebut bagi memajukan perniagaan masing-masing.

Katanya, mereka boleh meminta bantuan Mailis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malay&a (NCWO) dan Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita Malaysia (Nawem) untuk memohon pinjaman kredit itu.